

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



## BIMB INVESTMENT LANCAR BIMB MYR SUKUK INCOME FUND (BMSIF)

*Dana sukuk yang direka untuk memberikan potensi pendapatan stabil dalam jangka sederhana hingga panjang*

**KUALA LUMPUR, Selasa, [30 Julai 2024]:** BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment atau Syarikat), anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), hari ini mengumumkan pelancaran rasmi BIMB MYR Sukuk Income Fund (BMSIF atau Dana).

BIMB Investment yang meraikan ulang tahunnya yang ke-30 meneruskan tawaran peluang pelaburan patuh Shariah yang inovatif. BMSIF, satu lagi tambahan strategik kepada penawaran dana syarikat, melabur minimum 70% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) ke dalam sukuk didenominasikan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang diterbitkan dan/atau ditawarkan di Malaysia, dan/atau Skim Pelaburan Kolektif Islam. Sementara, nilai maksimum 30% daripada NAB dana akan dilabur ke dalam aset cair Islam.

Ketua Pegawai Eksekutif BIMB Investment, Azdini Nor Azman, berkata, "Pelancaran BMSIF mencerminkan keterujaan kami meneruskan komitmen Syarikat meningkatkan penawaran pelaburan dan menyesuaikan perniagaan dengan keadaan pasaran yang sentiasa berubah. Matlamat kami adalah untuk menyediakan penyelesaian komprehensif dengan mengoptimumkan portfolio pelanggan dan memenuhi keperluan pelaburan mereka dengan dana tambahan yang bakal diperkenalkan."

"BMSIF distruktur untuk menawarkan potensi kestabilan dalam pulangan, menjadikannya pilihan ideal untuk pelabur yang menginginkan pendapatan stabil dalam jangka masa sederhana hingga panjang," tambah beliau.

Dana ini ditawarkan dalam kelas RM, dengan pelaburan permulaan serendah RM500 dan pelaburan tambahan minimum RM100. Pengagihan pendapatan, tertakluk kepada ketersediaan pendapatan, akan diagihkan pada setiap suku tahun selepas ulang tahun pertama tarikh permulaannya.

Ketua Pegawai Perniagaan Perbankan Institusi Kumpulan Bank Islam dan Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas BIMB Investment, Sharifah Sarah Syed Mohamed Tahir, berkata, "Kami sedang giat meneroka peluang untuk meluaskan portfolio menerusi penyediaan pelbagai perkhidmatan dan penawaran yang memenuhi segenap keperluan pelanggan. Melalui sokongan kerjasama Perbankan Institusi Kumpulan Bank Islam (GIB) terhadap anak-anak syarikat, kami telah mencapai transformasi yang ketara dalam menetapkan asas yang kukuh untuk pertumbuhan dan kestabilan yang berterusan pada 2024 dan tahun-tahun mendatang. Ini menekankan dedikasi teguh Kumpulan Bank Islam dalam mengutamakan pelanggan, inovasi serta kemampunan."

Selain mandat persendirian, BIMB Investment sehingga kini menguruskan sejumlah 16 dana pelaburan yang terdiri daripada tujuh (7) dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab Shariah (Shariah-SRI). Syarikat telah menerima enam (6) pengiktirafan di The Edge ESG Awards 2023 iaitu Anugerah Terbaik dalam E, S & G (Emas) dan Dana Terbaik Berdasarkan Kelas Aset (Peruntukan) (Perak) bagi dana Makmur myWakaf Fund (MWF), Pemenang Keseluruhan Terbaik (Perak) dan Dana Terbaik Berdasarkan Kelas Aset (Perak) bagi BIMB-Arabesque Global Shariah-ESG AI Technology Fund (BGSEAIT). Pada 2020, Dana Sukuk Globalnya, BIMB ESG Sukuk Fund (BSF) dinamakan Dana Sukuk Shariah-ESG Paling Inovatif di Anugerah Global Business Outlook Finance.

Pelaburan boleh dibuat secara terus dengan menghubungi BIMB Investment di 1800-88-1196 atau e-mel ke [marketing.bimbinvest@bankislam.com.my](mailto:marketing.bimbinvest@bankislam.com.my). Pelabur juga boleh mengunjungi dan menghubungi perunding unit amanah dan pengedar yang diluluskan dan/atau mana-mana cawangan Bank Islam. Harga dana harian dan maklumat lanjut

mengenai dana boleh dirujuk di laman web BIMB Investment di [www.bimbinvestment.com.my](http://www.bimbinvestment.com.my)

**Kenyataan:** Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Prospektus bagi dana BIMB MYR Sukuk Income Fund ("BMSIF" atau "Dana") bertarikh 24 Julai 2024, atau tambahannya (jika ada), dan Halaman Serahan Produk (PHS) sebelum melabur, yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) yang tidak bertanggungjawab terhadap kandungannya. PHS adalah tersedia dan pelabur mempunyai hak untuk meminta PHS. Salinan Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS boleh diperolehi di ibu pejabat BIMB Investment Management Berhad, laman web [www.bimbinvestment.com.my](http://www.bimbinvestment.com.my), perunding unit amanah dan pengedar yang diluluskan dan/atau mana-mana cawangan Bank Islam. PHS dan mana-mana dokumen pendedahan produk lain perlu dibaca dan difahami sebelum membuat keputusan untuk memulakan pelaburan. Kebenaran SC atau pendaftaran Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS tidak boleh diambil kira bahawa SC telah mengesyorkan Dana tersebut. Terdapat yuran, caj, dan kos yang dikenakan dan pelabur dinasihatkan untuk membandingkan dan mempertimbangkannya sebelum melabur di dalam Dana. Pelaburan di dalam Dana ini terdedah kepada risiko, sila rujuk Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS untuk maklumat terperinci. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan risiko di dalam Dana dan membuat penilaian risiko sendiri serta mendapatkan nasihat profesional, jika perlu, sebelum melabur. Pelabur juga perlu mengambil perhatian bahawa harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, boleh turun dan naik, dan prestasi masa lalu Dana tidak boleh dianggap sebagai petunjuk prestasi masa hadapan. Sebarang penerbitan unit yang berkaitan dengan Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS hanya akan dilakukan setelah penerimaan borang permohonan lengkap yang dilampirkan bersama Prospektus atau tambahannya (jika ada), dan PHS, tertakluk kepada terma dan syarat yang terkandung di dalamnya. Pelabur juga dinasihatkan bahawa, di mana pengagihan diisyiharkan, dan selepas itu pengagihan, NAB setiap unit akan dikurangkan dari NAB bersama pengagihan ke NAB tanpa pengagihan. Pemberi anugerah yang dinyatakan adalah pihak ketiga yang bebas dan tidak mempunyai kaitan dengan Syarikat. Siaran media ini tidak disemak oleh SC.

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Shariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Untuk maklumat lanjut, sila e-mel ke: [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my)

#### **Mengenai BIMB Investment Management Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [199301021508 (276246-X)])**

BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment) adalah sebuah syarikat dana Islam Shariah-ESG (Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus) di Malaysia yang berlesen dan berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Sebuah anak syarikat milik penuh Bank Islam Malaysia Berhad, BIMB Investment ditubuhkan pada 14 September 1993 dan memulakan operasinya pada 20 Jun 1994. BIMB Investment merupakan pengurus aset Islam yang disokong bank yang pertama di rantau ini untuk menjadi penandatangan dan ahli rasmi Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab (UNPRI) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). BIMB Investment telah menjadi perintis dalam pelaburan mampan sejak tahun 2015 dengan menggunakan teknologi Artificial Intelligence (AI) dalam proses pelaburannya yang berpotensi untuk memberikan pulangan dengan penyelarasian risiko yang baik kepada pelabur.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bimbinvestment.com.my](http://www.bimbinvestment.com.my) atau e-mel ke: [marketing.bimbinvest@bankislam.com.my](mailto:marketing.bimbinvest@bankislam.com.my)